

UNTUK SIARAN SEGERA

Keuntungan Suku Tahun Pertama Sime Darby Property Berganda

Memulakan TK2024 dengan nada yang positif

- Syarikat merekodkan pencapaian suku tahun pertama yang paling cemerlang untuk jumlah pendapatan, keuntungan operasi, dan jualan sejak pengasingan pada tahun 2017;
- Pendapatan melonjak sebanyak 42.8% YoY kepada RM978.7 juta;
- PBT menunjukkan peningkatan sebanyak 84.6% kepada RM180.8 juta dan PATAMI meningkat dua kali ganda kepada RM123.6 juta;
- Merekodkan peningkatan jualan sebanyak 38.8% YoY kepada RM955.9 juta, didorong oleh portfolio produk yang terpelbagai dengan sumbangan yang signifikan daripada produk perindustrian.

ARA DAMANSARA, 21 MEI 2024 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) merekodkan pemulaan yang kukuh untuk tahun kewangan 2024 (“TK2024”) dengan mencapai jumlah pendapatan suku tahun pertama yang tertinggi sejak pengasingannya pada tahun 2017. Hasil jumlah pendapatan sebanyak RM978.7 juta untuk suku kewangan pertama berakhir 31 Mac 2024 (“Q1 TK2024”) telah mencatat peningkatan sebanyak 42.8% daripada RM685.3 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun lalu. Dipacu oleh tahap jualan yang lebih tinggi dan pelaksanaan projek yang efektif, Syarikat mencatatkan keuntungan operasi (“OP”) sebanyak RM196.6 juta, yang menandakan peningkatan sebanyak 73.1% tahun-ke-tahun (“YoY”) daripada RM113.5 juta and keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM180.8 juta, yang menunjukkan kenaikan sebanyak 84.6% YoY daripada RM97.9 juta. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat sebanyak 103.7% YoY kepada RM123.6 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata, “Pencapaian cemerlang Q1 TK2024 telah melangkaui jangkaan kewangan dan operasi kami, dan Syarikat akan kekal mempelbagaikan portfolio produk serta arus pendapatannya. Segmen perindustrian juga merupakan penyumbang utama kepada prestasi jualan keseluruhan Syarikat untuk suku pertama tahun ini.”

Mengulas mengenai penutupan akhir (“*final close*”) dana pembangunan perindustrian (“*Industrial Development Fund*” atau “IDF”) Dato’ Azmir berkata: “Kami amat berbesar hati untuk mengumumkan IDF telah ditutup dengan RM1.0 bilion. Pencapaian ini menunjukkan keyakinan dan sokongan daripada para pelabur institusi dan asing. IDF merupakan dana pembangunan hartanah patuh Syariah antara Sime Darby Property dan LOGOS SE Asia Pte.

Ltd. (“LOGOS Property”) untuk membangunkan aset perindustrian dan logistik seluas 177 ekar di Bandar Bukit Raja.”

Q1 TK2024 YoY Mengikut Segmen

Segmen Pembangunan Hartanah (“*Property Development*”) menyumbang sebanyak RM925.6 juta atau 94.6% daripada jumlah keuntungan Syarikat untuk Q1 FY2024, menunjukkan peningkatan sebanyak 45.4% berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Pencapaian ini didorong oleh peningkatan kepelbagaian portfolio produk dengan sumbangan yang tinggi daripada produk perindustrian, jualan yang laris, kemajuan kerja-kerja pembinaan merentas pembangunan-pembangunan utama Syarikat termasuk Bandar Bukit Raja, Bandar Serenia, Ara Damansara, Putra Heights, SJ7 dan Elmina Business Park serta pengewangan tanah (“*land monetisation*”) di Kedah. PBT meningkat 84.3% YoY kepada RM170.3 juta.

Pendapatan segmen Pelaburan dan Pengurusan Aset (“*Investment and Asset Management*” atau “IAM”) naik sebanyak 10.7% YoY kepada RM29.1 juta. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan daripada 85% kepada 90% untuk kadar penghunian dalam sub-sektor runcit (*retail*) serta catatan pengunjung yang lebih tinggi sewaktu musim perayaan, terutamanya di KL East Mall. Peningkatan PBT segmen kepada RM12.3 juta disokong oleh sub-sektor runcit yang lebih kukuh.

Pelancaran dan Jualan Produk Q1 TK2024

Syarikat telah melancarkan produk dengan jumlah Nilai Pembangunan Kasar (“*Gross Development Value*” atau “GDV”) sebanyak RM820.2 juta. Produk-produk merangkumi lot perindustrian dan kilang berkembar dua tingkat bernilai RM588.7 juta dalam jumlah GDV telah dilancarkan di Taman Perindustrian Bandar Bukit Raja 3, dengan kadar pengambilan sebanyak 60.6% setakat 28 April 2024. Selain itu, pejabat kedai dua tingkat di The Corak, Bandar Serenia yang bernilai RM150.2 juta dalam GDV telah mencapai kadar pengambilan sebanyak 86.4% setakat 28 April 2024.

Sime Darby Property meneruskan momentum jualannya yang kukuh di Q1 TK2024 dengan pencapaian sebanyak RM955.9 juta yang menunjukkan peningkatan sebanyak 16.9% berbanding suku keempat tahun kewangan 2023 (“Q4 TK2023”).

Strategi Syarikat untuk mempelbagaikan tawaran produk terbukti efektif dengan segmen industri merangkumi 30.2% daripada jualan keseluruhan pada suku ini, sementara kediaman bertanah dan kediaman bertingkat menyumbang sebanyak 26.7% dan 24.5% masing-masing. Projek utama yang menyumbang kepada prestasi cemerlang ini termasuk produk-produk

perindustrian di Bandar Serenia, dan produk-produk kediaman bertanah seperti Elmina Green 7 dan The Eight di Bandar Elmina, serta Serenia Anisa (1 & 2) di Bandar Serenia. Produk-produk kediaman bertingkat termasuk Hype Residences di Subang Jaya, TRiARA Residences di Ara Damansara, dan Serasi Residences (1 & 2) di Putra Heights turut menyumbang kepada jumlah jualan pada suku ini.

Pencapaian jualan Syarikat yang kukuh pada Q1 TK2024 telah didorong oleh kepelbagaian tawaran produk sewaktu Kempen *Dragon Deals* sempena Tahun Baru Cina. Inisiatif yang mencapai tempahan jualan sebanyak RM351.8 juta untuk 376 buah harta ini mencerminkan daya tarikan pasaran dan penglibatan pelanggan yang tinggi.

Pencapaian Kewangan dan Operasi Yang Lain

Jualan belum dibil Syarikat sebanyak RM3.6 bilion memastikan keterlihatan pendapatan yang stabil untuk tiga tahun akan datang. Setakat 28 April 2024, tempahan semasa Sime Darby Property adalah RM2.4 bilion, dengan inventori lengkap adalah bernilai RM466.3 juta dalam GDV. Dengan baki tunai sebanyak RM647.1 juta dan nisbah hutang bersih sebanyak 23.8%, Sime Darby Property berkedudukan baik untuk pertumbuhan yang mampan serta kestabilan kewangan.

Syarikat juga meneruskan rentak kemenangangnya di Q1 TK2024 dengan penghargaan yang tertinggi di Putra Brand Awards. Kemenangan anugerah *Platinum for Property Development* menandakan kepercayaan orang ramai dengan jenama Sime Darby Property, serta mengiktiraf komitmen Syarikat untuk memperkenalkan produk-produk yang inovatif dan lestari. Pusat Ilmuwan Hutan Hujan Tropika Elmina (“*Elmina Rainforest Knowledge Centre*” atau “ERKC”) juga memperoleh satu lagi anugerah berprestij dalam Kategori Alam Sekitar di FIABCI Malaysia Property Award 2023, yang mengukuhkan komitmen terhadap pemuliharaan alam sekitar dan penglibatan masyarakat. Pencapaian ini ialah bukti usaha Syarikat yang berterusan dalam mencapai kecemerlangan dan kepimpinan dalam industri.

Prospek Untuk TK2024

Sime Darby Property menjangkakan prospek yang memberangsangkan untuk TK2024, didorong oleh segmen perindustrian yang kukuh dan peningkatan secara keseluruhan dalam pasaran kediaman. Syarikat bersedia untuk pertumbuhan yang lebih luas dengan pelancaran dua projek utama iaitu The Ophera di KLGCC Resort dan Elmina Lakeside Mall. Pembangunan ini mencerminkan pendekatan proaktif Syarikat dalam memenuhi permintaan pasaran dan memperkayakan kehidupan pelanggan.

Dato' Azmir berkata: "Prestasi Q1 yang kukuh menunjukkan bahawa Syarikat berada di landasan yang tepat dari segi strategi serta pembangunan dan tawaran produk. Berpandukan Matlamat Syarikat untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, kami akan mengekalkan disiplin untuk memberikan nilai yang lebih besar kepada pihak berkepentingan kami."

- TAMAT SIARAN -

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampuan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2023, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju harta tanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com